



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 4/2005

Okt. - Dis. 2005/Syaaban - Zulkaedah 1426

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

Edaran Percuma

## Menarik di dalam



m. surat 3  
Binaraya  
Penyumbang  
Pembangunan  
Hartanah  
Kelantan



m. surat 4  
Klinik  
Usahawan  
Satu Daerah  
Satu Industri



m. surat 5  
Majlis  
Berkhuda  
Puasa  
Bersama  
Rakyat



m. surat 6  
Majlis  
Sekalung  
Budhi Tuan  
Haji Hanifa  
Ahmad



m. surat 7  
PKINK Bayar  
Pinjaman  
Kerajaan  
Pusat

m. surat 8  
ibadat Haji Rukun  
Islam Kelima

m. surat 9  
Berita anggota

m. surat 10  
Info Sihat

m. surat 11  
Mesyuarat Agung KSK  
PKINK

## UCAPAN PENGENALAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK YANG BARU

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Wan Yahya b. Wan Salleh telah menyampaikan ucapan pengenalan beliau kepada semua anggota ibu pejabat PKINK pada 11 Disember 2005 yang lalu. Ucapan tersebut sempena mengambilalih tugas sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang baru bermula 1 Disember 2005.

Dalam ucapannya, beliau telah menyentuh beberapa perkara terutama mengenai peranan PKINK sebagai sebuah badan korporat yang menjadi penggerak pembangunan ekonomi negeri Kelantan dan juga penjana keuntungan melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilaksanakan dan bertanggungjawab kepada Kerajaan dan rakyat negeri Kelantan.

Menurutnya lagi, PKINK mestilah menjadi contoh kepada semua pihak dan bukan sekadar menjadi bahan pameran.

Beliau juga telah menggariskan beberapa perkara penting iaitu:

1. Semangat kerja berpasukan atau 'team work'. Buang sikap bercakap atau mengkritik di belakang. Jika ada komen, rungutan atau sebarang perkara yang menimbulkan ketidakpuasan hati, gunakan saluran yang betul untuk sampaikan kepada pihak pengurusan.
2. Semua anggota mestilah memupuk sifat berakhlak dan beriman, memahami batas-batas dosa dan pahala dalam semua urusan, mewujudkan hubungan baik antara anggota.



Tuan Haji Wan Yahya menyampaikan ucapan pengenalan beliau kepada semua anggota Ibu Pejabat PKINK

Anggota PKINK mestilah meluangkan masa untuk solat berjemaah di surau PKINK sekurang-kurangnya 2 atau 3 kali dalam seminggu.

3. Pembudayaan kecemerlangan perlu ada, PKINK menjadi idola di Kelantan, boleh menjana keuntungan, stafnya boleh menjadi contoh kepada pihak lain.
4. Disiplin di kalangan anggota amat penting. Semua anggota mestilah melaksanakan tugas dan arahan dengan baik, patuh dan taat arahan ketua dan mewujudkan sikap saling hormat menghormati sesama anggota.
5. Personaliti anggota PKINK dilihat berintegriti, tiada amalan rasuah dan pecah amanah.

6. Menjadikan pembelajaran suatu yang berterusan atau 'continuous learning'. Setiap anggota PKINK mestilah menanamkan sikap suka menimba dan mencari ilmu pengetahuan khususnya melalui pembacaan.

Anggota Ibu Pejabat PKINK yang hadir untuk mendengar ucapan pengenalan Ketua Eksekutif PKINK



## Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Bertemu kembali dari meja editor Berita PKINK Bilangan Keempat 2005. Tahun 2005 menyaksikan PKINK bertukar pengurusan apabila Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Hanifa Ahmad telah menamatkan perkhidmatannya dengan PKINK mulai 23 November 2005. Haji Hanifa Ahmad telah memulakan perkhidmatannya dengan Kumpulan PKINK bermula 11 Mei 1991 sebagai Pengurus Besar Kelantan Baja Corporation, Pengurus Besar Damai (mulai 28 Jun 1994), Timbalan Ketua Eksekutif HEK (mulai 1 Feb 2000) dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK mulai 4 Julai 2001.

Sidang editor mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas jasa dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di PKINK. Semoga jasa dan budi beliau sepanjang menabur bakti dan khidmat di PKINK mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah S.W.T.

Kita bersyukur kerana sejak tiga tahun kebelakangan ini Kumpulan PKINK dimurahkan rezeki dengan pencapaian keuntungan yang boleh dibanggakan hasil kerja keras dan kerjasama kita semua. Kejayaan ini dapat dicapai hasil dari penglibatan dan usaha gigih semua anggota kumpulan PKINK di semua peringkat, dari pihak pengurusan hinggalah anggota bawahan. Kita berharap dan berdoa agar ianya berterusan dan PKINK akan terus maju dan cemerlang di masa-masa hadapan.

Selamat datang dan tahniah kepada Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh atas perantikan sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang baru berkuatkuasa 1 Disember 2005. Perantikan ini bolehlah diibaratkan umpama siri pulang ke gagang kerana sebelum ini beliau telah berkhidmat dengan PKINK.

Kita berharap agar semua anggota Kumpulan PKINK dapat meningkatkan kerjasama dan memberikan sokongan padu kepada pihak pengurusan dalam memastikan segala usaha dan gerak kerja dapat dilaksanakan dengan baik, cekap dan berkesan. Insya Allah, kesinambungan perancangan dan usaha yang telah dibawa oleh kepimpinan PKINK yang terdahulu akan berterusan dan digarap dengan sebaik mungkin oleh kepimpinan yang baru bagi memastikan Kumpulan PKINK terus relevan sebagai peneraju utama pembangunan ekonomi negeri Kelantan demi untuk kesejahteraan Ummah dan rakyat negeri Kelantan.

## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

### PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

### KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

### EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

### PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan Che Soh  
Pn. Zakiah Mohamed

### PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail  
Pn. Nik Farzimar Nik Omar  
Pn. Ahlaami Ab. Halim  
Pn. Teh Mariam Mohamed  
Pn. Hawa M. Salleh  
En. Rosdi Said  
En. Mohd Ramli Hamzah  
En. Zainul Amin Mat Zin

### JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)  
tel: 09-7414141 fax: 09-7414140

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE  
Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15200 Kota Bharu  
Tel: 09-7472313

## **BINARAYA PKINK PENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN SEKTOR HARTANAH NEGERI KELANTAN**

Binaraya PKINK merupakan sebuah Anak Syarikat dalam Kumpulan PKINK yang ditubuhkan pada tahun 1981 dan akan mencapai usia 25 tahun pada tahun 2006. Seiring dengan umurnya yang telah melepasi tempoh keremajaan dan menjangkau tahap kematangan, Binaraya sebagai sebuah syarikat pemaju perumahan di Kelantan semakin berkembang pesat dan mampu untuk menyaingi syarikat-syarikat lain di Kelantan.

Binaraya PKINK memainkan peranan penting dalam menjana aktiviti-aktiviti pembangunan projek hartanah yang meliputi projek perumahan, projek pembangunan rumah kedai dan projek komersial yang lain.

Sepanjang tahun 2004, Binaraya telah menumpukan kepada pembangunan projek-projek yang merangkumi projek perumahan 33 unit banglo 1 tingkat dan 8 unit rumah berkembar di Desa Darul Naim, pembinaan 2 unit rumah kedai 3 tingkat di Berek 12 di samping meneruskan projek-projek sambungan yang dilaksanakan pada akhir tahun 2003.

Dalam tahun 2005, Binaraya PKINK meneruskan projek-projek yang dibangunkan pada 2004, di samping projek baru pembinaan 9 unit rumah kedai di Lundang, Kota Bharu, pembangunan projek perumahan 34 unit rumah banglo 1 tingkat dan 20 unit rumah berkembar 1 tingkat di Desa Darul Naim Pasir Tumbuh serta pembinaan 39 unit banglo di Gual Perioik, Rantau Panjang.

Sejajar dengan perkembangan pesat Binaraya dan keperluan kepada ruang pejabat yang lebih luas dan selesa bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan, Binaraya telah maju ke hadapan dengan pembinaan Bangunan Binaraya yang menempatkan pejabat barunya di Jalan Abdul Kadir Adabi, Kota Bharu, iaitu berhadapan dengan Restoran Syam.

Pejabat lama Binaraya yang terletak di bangunan bersebelah Bangunan Bank Pertanian di Jalan Padang Garong akan ditutup dengan rasminya mulai 1 Januari 2006. Proses pemindahan dari pejabat lama ke pejabat baru telah dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai pertengahan Disember 2005 dan akan selesai sepenuhnya pada Januari 2006.

Bangunan baru setinggi 3 tingkat tersebut merangkumi ruang pameran atau 'show room' dan pejabat Bahagian Pemasaran di tingkat bawah, pejabat Pengurus Besar serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan di tingkat 1, dan Bahagian Projek di tingkat 2. Pejabat baru yang dilengkapi dengan ruang pameran dan bahagian pemasaran di aras bawah ini akan memudahkan dan memberi keselesaan kepada para pembeli atau pelanggan Binaraya yang berkunjung. Selain itu kemudahan Bilik Mesyuarat yang luas dan selesa juga akan memberi kesan positif ke arah peningkatan kecekapan tugas dan pengurusan.

Sesungguhnya, pejabat baru Binaraya yang terletak di Bangunan Binaraya yang baru serta tersergam indah itu akan menjadi satu lagi mercu tanda dan imej baru kumpulan PKINK. Ia juga menjadi lambang kepada kemajuan pembangunan sektor hartanah di negeri Kelantan. Dengan imej baru yang ditampilkan oleh Binaraya tersebut, adalah menjadi harapan PKINK agar ia terus memainkan peranan yang utama dan penting dalam menyumbang kepada pembangunan pesat sektor hartanah di Kelantan. Dengan peranan ini, Binaraya sebagai sebahagian Kumpulan PKINK akan turut menjadi penyumbang kepada usaha untuk menjadikan PKINK sebagai peneraju utama kepada pembangunan ekonomi negeri Kelantan khususnya.



Bangunan Baru Binaraya PKINK

## **Konvensyen Keusahawanan Siswa IPTA dan Karniawan Nasional 2005**

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD) dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Konvensyen Keusahawanan Siswa IPTA dan Karniawan Nasional 2005 pada 12 hingga 14 Disember 2005 bertempat di UiTM Shah Alam, Selangor. Buat pertama kalinya program ini yang merupakan program tahunan telah menggabungkan peserta-peserta dari IPTA dan pelajar-pelajar sekolah menengah. Sebanyak 18 IPTA, 13 kampus UiTM dan 16 buah

sekolah menengah membabitkan 590 orang peserta telah mengambil bahagian.

Pengendalian program kali ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Konvensyen, ceramah dan pertandingan telah diadakan di Dewan Seri Budiman, manakala untuk pameran dan jualan produk telah diadakan di Dataran Shah Alam. PKINK selaku sekretariat Program Usahawan Muda Negeri Kelantan turut

mengambil bahagian melibatkan dua orang guru pembimbing dan sepuluh orang pelajar.

*bersambung m. surat 5*



Sebahagian peserta sedang menyaksikan tempai masing-masing

## Seminar Asas Perniagaan Francais

Industri Francais merupakan salah satu industri yang sedang berkembang pesat di Malaysia. Kepesatan industri ini telah memberikan impak yang cukup penting dalam membantu pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara. Perkembangan yang memberangsangkan ini telah menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk utama perniagaan francais bagi rantau Asia seperti KFC, Mc Donald, Marry Brown, Nelson dan lain-lain lagi.

Menyedari hakikat ini Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Seminar Asas Perniagaan Francais pada 28 November 2005 bertempat di Dewan Perkumpulan Perempuan, Pasir Mas dan telah dihadiri seramai 45 orang peserta.

Bagi menjayakan seminar ini, dua orang pakar dalam bidang francais, Tuan Syed Shaikh Syed Mohamad dan En. Mohd Bustaman Abdullah dari SAFA Consultancy Sdn. Bhd. telah diundang sebagai penceramah jemputan. Kertas kerja dan ceramah-ceramah yang disampaikan adalah tertumpu kepada usaha-usaha pencapaian objektif sebagaimana berikut:

- Pengenalan tentang Sistem Perniagaan Francais
- Panduan kepada francais dan bakal-bakal francais
- Memperluaskan jaringan perniagaan dan pemasaran produk
- Pemilihan francais yang sesuai dan bertanggungjawab

- Pemahaman mengenai kaedah-kaedah sebagai francais yang berdayamaju
  - Pendedahan tentang aspek-aspek perundangan
- Majlis penutup dan penyampaian sijil-sijil penyertaan telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Zulkifli b. Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri Kelantan. Kepada para peserta yang telah mengikuti seminar ini dengan jayanya kami ucapkan syabas dan sentiasalah dampingi kami untuk mengikuti sebarang seminar dan kursus-kursus kemahiran pada masa-masa mendatang.



Antara peserta yang hadir di seminar tersebut

## Klinik Usahawan Satu Daerah Satu Industri

Keusahawanan adalah satu bidang kerjaya yang begitu mencabar. Strategi pengeluaran dan pemasaran produk atau perkhidmatan yang ditawarkan harus dilihat sebagai sesuatu yang terbaik. Justeru itu, negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan telah memulakan teknik "Satu Daerah Satu Industri (SDSI)" atau "One District One Industry (ODOI)" sebagai satu strategi.

Rancangan Satu Daerah Satu Industri yang diilhamkan oleh YAB. Perdana Menteri ini mampu bertindak sebagai pemangkin dalam pembangunan ekonomi negeri bahkan terus berdaya saing. Melalui rancangan ini, Perdana Menteri ingin melihat setiap daerah di negeri ini memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan ekonomi negara dan dalam masa yang sama menjadi identiti yang unik dan mampu mempertingkatkan produktiviti negara.

Bidang-bidang yang sedang diterokai oleh kerajaan dalam SDSI adalah bidang pertanian, kraftangan, pelancongan dan pemprosesan makanan. Dalam konteks ini PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Klinik Usahawan Satu Daerah Satu Industri

pada 28 Disember 2005 bertempat di Dewan Latihan Kastam, Kota Bharu. Program sehari yang dikendalikan bersama Syarikat PDN Resources (M) Sdn Bhd. ini adalah diasaskan kepada bakal-bakal usahawan, Usahawan IKS, Jurulatih

Keusahawanan dan orang ramai yang berminat. Bagi menjayakan program ini, penceramah-penceramah profesional telah diundang untuk membentangkan kertas kerja yang memfokuskan aspek-aspek keusahawanan sebagaimana berikut:

- Ciri-ciri usahawan yang berkualiti dan berjaya
- Konsep dan Pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri
- Keberkesanan Program SDSI dalam mempertingkatkan pendapatan usahawan
- Kemudahan bimbingan dan bantuan kewangan SDSI



Antara peserta yang hadir di seminar tersebut

Konsep pemasaran bagi pasaran produk

- Sesi dialog dan jaringan usahawan.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat baik dimana bilangan peserta yang hadir adalah seramai 243 orang melebihi bilangan yang disasarkan seramai 150 orang sahaja. Selain daripada pembentangan kertas kerja oleh penceramah undangan, kaunter-kaunter pameran telah disediakan dan dimanfaatkan oleh para peserta untuk mempamerkan produk-produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

bersambung m. surat 5

sambungan dari m. surat 3

**Konvensyen Keusahawan Siswa IPTA dan Karniawan Nasional 2005**

Bagi acara yang dipertandingkan pada konvensyen tersebut peserta kita layak memasuki pertandingan peringkat akhir kuiz keusahawanan dan memenangi tempat ketiga pertandingan permainan perniagaan. Memandangkan program ini merupakan program sulung yang menggabungkan IPTA dan sekolah-sekolah menengah, terdapat beberapa kelemahan dari segi pengendaliannya, namun ianya masih boleh diperbaiki dan dipertingkatkan lagi. Para peserta yang mengambil bahagian juga melahirkan hasrat untuk terus mengambil bahagian di masa akan datang, tetapi hendaklah dirancang dengan lebih awal dan teliti agar penganjurannya akan lebih bermanfaat.

sambungan dari m. surat 4

**Klinik Usahawan Satu Daerah Satu Industri**

Peserta-peserta yang terlibat dengan pameran ini ialah:

- Kelab Usahawan PKINK (KUP)
- Kelab Bumi Rahmat, Kota Bharu
- Muni Marketing Sdn Bhd
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Dewan Usahawan Industri Desa (DUID)
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
- SME Bank
- MECD
- Mydin Mohamed Holding
- Produk Pekasam Jeli
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YABrs. Tuan Haji Wan Yahya bin Wan Salleh, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Kebanyakan peserta yang ditemui selepas itu telah melahirkan rasa puas hati dengan program ini dan berharap akan ada program susulan sebagai kesinambungannya kelak.



Haji Wan Yahya di Majlis Penutup Program Klinik Usahawan SDSI

**PKINK PRIHATIN: Program Kebajikan Ramadhan Golongan Miskin Dan OKU Diraikan Dalam Majlis Berbuka Puasa**

**Kota Bharu, Okt.** – Bulan Ramadhan bertandang lagi, mengajak umat Islam agar menunaikan Rukun Islam ketiga ini yang telah dijanjikan Allah dengan ganjaran yang besar. Setiap Umat Islam wajib menunaikannya dan berbahagialah mereka setelah kewajipan terlaksana. Juga beruntunglah mereka yang mendapat rahmat Allah diatas keikhlasan ibadah yang dilakukan.

Dalam rangka merapatkan hubungan PKINK dengan masyarakat sejajar dengan falsafah korporatnya bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dikongsi bersama hasil daripada keuntungan yang diperolehi, PKINK telah menyusun dua program berbuka puasa bersama masyarakat dan penyampaian sumbangan kepada golongan miskin/OKU di Mukim Bukit Baka, Kemuning,

Machang pada 22 Ramadhan 1426/26 Oktober 2005 dan masyarakat serta Orang Kurang Upaya (OKU) Pengkalan Pasir, Pasir Mas pada 24 Ramadhan 1426/28 Oktober 2005.

Program yang diadakan di DUN Kemuning bertempat di Masjid Mukim Bukit Baka telah dihadiri oleh seramai lebih 200 orang ahli masyarakat mukim tersebut dan dimulakan dengan Tadarus Al-Quran. Seramai 30 orang miskin telah menerima sumbangan barangan keperluan harian dan wang tunai daripada pihak PKINK. Sumbangan disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kemuning, Yang Berhormat Hj. Zakaria Yaakob.

Sementara itu, seramai 15 orang yang terdiri dari Orang Kurang Upaya di Pengkalan Pasir telah menerima sumbangan hari raya daripada pihak PKINK dalam majlis yang diadakan di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas.



Majlis berbuka puasa di masjid Bukit Baka



YB Kemuning menyampaikan sumbangan

bersambung m. surat 9

**Tidak Lupa Kepada Mereka Yang Memerlukan**

Tidak ketinggalan juga PKINK telah menghulurkan sumbangan berupa wang ringgit kepada pihak yang memerlukan. Sumbangan ini telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu balu anggota PKINK seramai 7 orang, kanak-kanak istimewa 5 orang dan masyarakat miskin sekitar Kota Bharu seramai 15 orang.

Pengagihan sumbangan ini telah dibuat sekitar 12 Ramadhan 1426/16 Oktober 2005 dan berakhir pada 21

Dengan adanya program yang sebegini, ianya diharap dapat meringankan beban mereka dan meningkatkan kualiti iman dalam diri kita. Semoga bulan Ramadhan ini dapat kita sama-sama mendekati diri kita kepada Allah S.W.T.



Salah seorang balu menerima sumbangan

# MAJLIS SEKALUNG BUDI TUAN HAJI HANIFA AHMAD

Kota Bharu, 13 Disember – PKINK telah mengadakan majlis perpisahan dengan Tuan Haji Hanifa Ahmad, bekas Ketua Eksekutif PKINK di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana. Haji Hanifa Ahmad telah menamatkan perkhidmatannya dengan PKINK mulai 23 November 2005 yang lalu kerana menyertai politik.

Dalam ucapannya, Tuan Haji Hanifa memohon berbanyak maaf kerana tidak sempat mengucapkan selamat tinggal dan bersalaman dengan semua anggota sebelum bersara. Beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak pengurusan PKINK dan syarikat anak di atas majlis perpisahan ini. Di akhir ucapan, beliau menyeru kepada semua anggota PKINK supaya ikhlas dan amanah dalam bekerja dan mendoakan agar PKINK terus berjaya. Beliau juga berharap agar Majlis Eksekutif yang diwujudkan menjadi tanggungjawab bersama semua anggota. Beliau juga mengambil kesempatan memohon kemaafan di atas salah dan silap sepanjang berkhidmat dengan PKINK.

Sementara itu, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), Tn Hj. Mohd Suhaimi Hussin semasa menyampaikan ucapan aluan dalam majlis tersebut telah menceritakan sejarah ringkas Haji Hanifa semasa khidmatnya di PKINK.

Beliau banyak menyentuh beberapa perkara yang telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan yang merupakan sumbangan idea dan buah tikiran Haji Hanifa serta kerjasama dan semangat kerja secara berpasukan yang wujud di kalangan pihak pengurusan. Bagi beliau, Haji Hanifa merupakan tempat rujukan dan mudah dibawa berbincang dalam membuat sesuatu keputusan. Haji Hanifa juga seorang yang setia dan dedikasi dalam tugasnya kepada PKINK.

Tambah beliau lagi, antara sumbangan Haji Hanifa ialah menubuhkan Majlis Eksekutif, penstrukturan semula syarikat anak PKINK dan melaksanakan Kurikulum Pembangunan Insan (KPI). Di akhir ucapan, Hj. Mohd Suhaimi merakamkan ucapan terima kasih di atas jasa dan sumbangan Haji Hanifa semasa berkhidmat dengan PKINK. Beliau juga mengharapkan agar semua anggota PKINK dapat memberikan kerjasama kepada Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang baru.



Haji Hanifa mengucapkan terima kasih kepada warga PKINK yang telah banyak membantu sepanjang beliau di PKINK



Puan Hajjah Zaharah Rosminah Amaluddin (Kak Zah), isteri Tuan Haji Hanifa Ahmad menyampaikan suara hati di hari Majlis Sekalung Budi.

## WARGA PKINK

*Assalamualaikum semua. Sukar untuk ku gambarkan, debar dan kesyuan berbau dalam lakonan. 15 tahun dipentas PKINK sebagai penonton setia, dari 1991 hingga 2005. Telah banyak ku saksikan, episod demi episod lakonan yang digarap oleh anda semua. Kesungguhan para pelakon menjwai watak masing-masing, amat berkesan sehingga dapat melahirkan, sebuah drama yang hebat. Syabas warga PKINK.*

*Dan hari ini sama-sama pula kita saksikan, sebuah lagi episod, drama perpisahan dan penyerahan tugas kepada hero baru PKINK. Syabas. Dari kerdipan mata, dari gerak bibir, dari gerak laku, terpancar suara hati. Terima kasih warga PKINK.*

*Dan sebagai penonton setia, dari jauh akan ku perhatikan, drama yang akan anda pentaskan, semoga anda dapat gembeling tenaga dan usaha gigih, bagi melahirkan lakonan yang lebih hebat, lebih mantap. Demi Islam dan demi Kelantan.*

Nukilan KAK ZAH.....



Tuan Haji Wan Yahya menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Tuan Haji Hanifa Ahmad



Ketua Eksekutif, Tn. Haji Wan Yahya Wan Salleh semasa berucap di akhir majlis tersebut menjelaskan bahawa pihak pengurusan akan meneruskan perancangan yang telah di buat oleh Haji Hanifa. Beliau mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas khidmat Haji Hanifa dan tiga anggota PKINK yang turut diraikan yang menamatkan perkhidmatan pada tahun ini. Majlis perpisahan berakhir dengan jamuan makan tengahari.



Haji Wan Yahya menyampaikan ucapan di Majlis Sekelung Budi Tuan Haji Hanifa Ahmad

## PKINK Bayar Pinjaman Kerajaan Pusat RM9.3 juta dan Tribute Konsesi Hutan Kerajaan Negeri Berjumlah RM8 juta

Satu majlis penyerahan cek bayaran hutang pinjaman Kerajaan Pusat oleh PKINK telah diadakan pada 10 November 2005/8 Syawal 1426H bertempat di Pejabat Menteri Besar Kelantan.

Dalam majlis tersebut, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Hanifa Ahmad telah menyerahkan cek pembayaran pinjaman Kerajaan Pusat bagi tahun 2005 berjumlah RM 9,365,556.00 kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abd Aziz Nik Mat dengan diiringi oleh YB Pegawai Kawangan Negeri, Dato' Hj. Shkori b. Mohamed.

Di samping itu, PKINK juga turut menyerahkan cek bayaran tribute konsesi hutan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM 8 juta kepada YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan. Majlis penyerahan cek tersebut turut diaksikan oleh Exco Kerajaan Negeri Kelantan, YB Haji Husam Musa.



Haji Hanifa menyerahkan cek pembayaran pinjaman kepada YAB Menteri Besar

## Majlis Berbuka Puasa Anggota PKINK

Pada 23 Ramadhan 1426 bersamaan 27 Oktober 2005, PKINK telah mengadakan majlis berbuka puasa di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, Kota Bharu.

Majlis tersebut bermula seawal jam 6.00 petang yang dimulakan dengan tazkirah oleh ustaz jemputan iaitu YB Hj. Mohamed b. Daud - ADUN Demit. Beliau menyampaikan tazkirah berpandukan satu petikan surah Al-Qur'an iaitu Ayat 18 hingga Ayat 22, Surah Al-Isra', ayat yang telah dijadikan teks tadarus Al-Quran peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 2005 oleh Kerajaan Negeri. Setiap orang dibekalkan dengan senaskah risalah rujukan (petikan ayat tersebut.)

Ikibar daripada ayat-ayat tersebut adalah golongan menghanti akhirat berusaha untuk kebahagiaan hidup akhirat disamping tidak lupa kepada keperluan dunia. Tazkirah tamat seurus sebetum masuk waktu Maghrib. Para hadirin berbuka puasa dengan buah kurma dan kuih muih dan diikuti Solat Maghrib berjemaah. Selesai solat maghrib berjemaah, semua anggota menjamu selera dengan hidangan nasi kerabu. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah kedua-dua Timbalan Ketua Eksekutif PKINK, Pengurus-Pengurus Bahagian, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dan Anggota PKINK



## PKINK Sertai Majlis Sambutan Hari Raya Kerajaan Negeri

14 Syawal 1426 bersamaan 16 November 2005, Pejabat SUK telah mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Negeri Kelantan di Kompleks Kota Darul Naim. Sambutan pada tahun ini ada kelainan iaitu pihak SUK telah mengumpul penyertaan dari lain-lain jabatan kerajaan dan badan berkanan. PKINK sebagai sebuah badan berkanan dibawah kerajaan negeri tidak ketinggalan mengambil bahagian. PKINK telah diwakili oleh Perdana Resort yang telah menampilkan Mee Kari dan Mee Goreng Mamak.

Bagi memeriahkan suasana, pihak penganjur telah mengadakan pertandingan gerai tercantik. Walaupun tidak berjaya memenangi pertandingan, gerai PKINK ternyata laris dengan masakan Mee Kari dan Mee Goreng Mamak istimewa tersebut.

Beberapa pegawai dan kakitangan PKINK turut hadir menjamu selera di majlis tersebut. Di majlis tersebut juga, YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar dan YB Dato' Setiausaha Kerajaan telah berucap kepada hadirin. Dalam ucapan Tuan Guru Menteri Besar, beliau menjelaskan mengenai sambutan Hari Raya yang dituntut oleh Islam terutama dalam konteks jamuan hari raya dari segi penyediaan makanan dan minuman hendaklah halal, berkhasiat dan jangan berlebihan.



## Ibadat Haji, Rukun Islam Ke Lima.

1426 Hijrah hampir dipenghujung, Zulkaedah sudah berlalu Zuhijjah telah pun tiba. Maka berpusu-pusulah umat Islam membanjiri tanah suci Makkah untuk mengerjakan Ibadat Haji rukun Islam yang kelima. Tidak ketinggalan juga dengan 4 orang anggota PKINK, En Mohd Asri Sulaiman, Pn Ahlaami Abd Halim, Pn Rosmizan Abd Ghani dan Pn Anizan Alias yang berpeluang menunaikan ibadat haji pada tahun ini. Semoga mendapat Haji yang Mabruk.

Haji merupakan perlakuan ibadah umat Islam yang mempunyai banyak simbolik yang dikemukakan kepada manusia dalam bentuk penonjolan diri, demonstrasi atau perisytiharan, bukan menuntut sesuatu yang bersifat kebendaan atau keduniaan, tetapi

demonstrasi untuk menyatakan **tauhid** dengan slogan dan laungan kalimah suci, **Allahhu Akhbar**, Allah Maha Besar, berulang-ulang kali dengan keyakinan dan ketaqwaan, pengakuan yang jelas dan tegas sekalipun kufur atau musyrikin tidak menyenangkannya. Serentak menyebut nama Allah, "**Labayk Allah Humma Labbyk, Labbaykka La Syarikalak Labbayk, Innal Hamda Wa al-Ni'mata Laka wa al-Mulk, La Syarikalak**", dilauangkan bukan kerana sesuatu kekurangan, tetapi pernyataan sesuatu ibadah dalam bentuk demonstrasi menentang syirik, kezaliman dan kesesatan yang dilakukan oleh manusia yang tidak mentauhidkan Allah. Sikap dan pendirian yang tegas dalam perkara 'ubudiah yang menjadi ajaran

para anbia' sejak zaman-berzaman perlu diisytihar dengan jelas supaya sekali-kali jangan terlibat dengan syirik atau taghut.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 196:- "*Dan tunai atau sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah*"

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 97 yang bermaksud:- "*Dan menjadi kewajipanlah bagi manusia terhadap Allah untuk mengunjungi rumah itu bagi yang sanggup berjalan diantara mereka. Dan barang siapa yang mengingkarinya, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari sekalian alam*"

bersambung m. surat 10

## Ceramah Penghayatan Ramadhan

**Kota Bharu 2 Oktober** - Dalam persediaan menyambut kedatangan Ramadhan, Satu ceramah telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Majlis bermula pada jam 11.15 pagi dengan ucapan alu-aluan oleh pengerusi majlis Sdr. Ramli Hamzah. Majlis diteruskan dengan ceramah bertajuk penghayatan Ramadhan oleh Ust. Haji Isa Bin Wahab dari Pondok Kampung Talak, Tumpat.

Dalam masa yang singkat kira-kira 1 jam, Ustaz Hj. Isa banyak menekankan perkara-perkara yang patut dilakukan supaya puasa kita tidak sia-sia. Antara isi ceramah beliau adalah :-

1. Hendaklah perbanyakkan amal ibadat supaya hidup tidak sia-sia.
2. Hendaklah membuat persiapan jasmani dan rohani secukupnya untuk menghayati bulan Ramadhan.

3. Persiapan rohani hendaklah berdasarkan takwa iaitu :-
  - a. Tawadhu' - Hendaklah sentiasa merendah diri kepada Allah
  - b. Qonaah - Merasa cukup dengan apa yang diberi oleh Allah
  - c. Warak - Bersifat baik dan sopan santun
  - d. Yakin - Kita hendaklah yakin kepada Allah

Disamping itu kita hendaklah mengambil peluang yang sebaik-baiknya di bulan Ramadhan ini, iaitu membuat ibadat sebanyak mungkin kerana pintu langit telah dibuka. Selain ibadat kita bolehlah membuat permohonan dengan Allah Taala. Nasihat ustaz kepada hadirin, dalam kehidupan seharian janglerlah mengajar anak-anak kecil berbohong.



Ustaz Haji Isa Wahab menyampaikan ceramah sempena Ramadhan

Antara pesanan Ustaz ialah:

1. Buang budaya memasang anak patong di dalam kereta atau di cerminnya.
2. Buang amalan pasang pelita disekeliling rumah pada malam Raya, kerana ia menyerupai budaya Lai Kratong orang Buddha.

## PROGRAM RAMADHAN 1426

Tarikh	Hari	Waktu	Program
2 Okt.	Ahad	11.00 pg - 1.00 thari	Ceramah Sambutan Ramadhan oleh Ustz. Hj. Isa Wahab dari Pondok Kg. Talak
4 & 19 Okt.	Selasa & Rabu	3.00 ptg.	Sumbangan buah kurma kepada semua anggota PKINK
12 Okt-2 Nov	Ahad - Khamis	8.15 pg. - 8.30 pg.	Siaran pagi - Zikir munajat dan tazkirah
6, 13, 20 & 27 Okt	Khamis	9.00 pg. - 10.00 pg.	Sembahyang Sunat Dhuha dan kuliah pagi oleh Ustaz Jemputan - Ustz. Fadhi Shaari (KIAS) - Ustz. Hafiz Musa (Bimbingan Mukmin) - Ustz. Aziz Yahya (Pondok Geting) - Ustz. Ilias Ahmad (MPKB)
6, 19 & 27 Okt & 27 Okt.	Khamis, Rabu & Khamis	2.00 ptg.	Kutipan derma dari anggota yang berminat untuk disumbang kepada yang memerlukan seperti orang miskin, bala, anak yatim, OKU dan lain-lain asnaf.
24 Okt.	Isnin	12.00 - 1.30 thari	Ceramah Nuzul Quran dan Sembahyang Zuhur berjemaah oleh Ustz. Hj. Isa Wahab dari Pondok Kg. Talak.
31 Okt.	Isnin	2.00 ptg.	Sumbangan Hamper Hari Raya kepada semua Anggota PKINK

Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah sakaratulmaut membawa kebenaran (yang telah dijanjikan serta dikatakan kepada yang meninkarinya sebelum ini). Inilah perkara yang engkau selalu menafikan diri darinya.



**AL - FATIAH**

Anggota PKINK telah kehilangan beberapa ahli keluarganya untuk tempoh Oktober hingga Disember 2005. semoga Allah s.w.t. mencucuri RahmatNya ke atas roh mereka dan menempatkan bersamanya golongan para solihin, Al-Fatihah...

Tanggal 14 Disember 2005 kira-kira jam 8.20 malam, ayah kepada Puan Norliza Ghazali (Setiausaha kepada Ketua Eksekutif PKINK), Hj. Ghazali Abd. Kadir telah kembali kerahmatullah di rumah kediamannya di Ketereh. Ayah kepada Puan Norliza meninggal dunia akibat sakit buah pinggang. Sebelum ini beliau pernah dimasukkan ke Wad beberapa kali. Beliau meninggal dunia pada usia 71 tahun dan meninggalkan seorang isteri dan tujuh orang anak, 3 lelaki dan 4 perempuan. Puan Norliza merupakan anak bongsu.

Selang tiga hari selepas itu Ibu kepada En. Muhamad Che Ismail, Wan Minah bt. Wan Daud telah meninggal dunia di rumah kediamannya di Kampung Kutun, kira-kira jam 2.30 pagi 17 Disember 2005. Beliau meninggal dunia akibat sakit tua dalam usia 83 tahun. Beliau seorang batu telah meninggalkan 7 orang anak, 4 perempuan dan 3 lelaki manakala En. Muhammad merupakan anak bongsu.

**PERSARAAN ANGGOTA PKINK**

Untuk tempoh Oktober hingga Disember 2005, seramai 3 orang anggota PKINK telah menamatkan perkhidmatannya, apabila sampai tempoh persaraan wajib.

Anggota tersebut ialah saudara Abdul Rashid bin Salleh yang mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Pegawai Kerani pada 1 Januari 1974. Selepas berkhidmat selama 6 tahun dengan PKINK, beliau telah diserapkan ke khidmat Kerahan Penuh Masa Askar Wataniah mulai 1 Disember 1980. Pada 29 Februari 1988 beliau telah melaporkan diri untuk berkhidmat semula dengan PKINK. Kemudiannya pada 1 November 1990 beliau telah dipinjamkan kepada Prokel Management Sdn Bhd, anak syarikat PKINK. Selepas 12 tahun berkhidmat dengan Prokel Management Sdn Bhd, akhirnya beliau kembali ke PKINK pada 15 April 2002 dan kemudiannya pada 16 Mac 2003 beliau telah dinaikkan pangkat ke Jawatan Pembantu Tadbir Kanan. Setelah berkhidmat dengan PKINK selama 32 tahun 1 bulan, akhirnya pada 22 November 2005 beliau telah bersara wajib.

Seorang lagi anggota PKINK Nik Abdullah bin Nik Ibrahim yang berkhidmat sebagai Juruteknik Kanan telah bersara wajib pada 4 Disember 2005. Beliau mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Juruteknik pada 1 Januari 1977. Sepanjang perkhidmatan beliau di PKINK, beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat Kelbina Holding Berhad mulai 1 Ogos 1995. Selepas lima tahun di Kelbina Holding, beliau mula kembali ke PKINK pada 31 Julai 2000. Beliau dinaikkan pangkat ke Juruteknik Kanan pada 1 November 1991. Beliau berkhidmat dengan PKINK selama 28 tahun 6 bulan.

Ismail bin Mohamed mula berkhidmat dengan PKINK sebagai pelayan pejabat pada 16 Mac 1974. Kemudian pada 1 September 1980 beliau dinaikkan pangkat sebagai Pelukis Pelan Rendah. Mulai 1 November 1990 beliau telah dipinjamkan ke Syarikat Prokel Management Sdn Bhd dan bersara wajib di sana setelah berkhidmat selama 31 tahun 9 bulan.



**PENYUSUNAN ANGGOTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN SEPANJANG TAHUN 2005**

BIL	NAMA	DARIPADA	KEPADA
1.	Mohd Ezanee bin Mohd Adam	Bhg. Khidmat Teknikal	Syarikat Permodalan Kelantan Bhd
2.	Rahmat bin Hassan	Bhg. Khidmat Teknikal	Syarikat Prokel Management Sdn Bhd
3.	Remli bin Hussin	Syarikat Prokel Management Sdn Bhd	Bhg. Projek dan Hartanah
4.	Tengku Petra bin Tengku Wook	Bahagian MIS	Bhg. Pengurusan Sumber Manusia
5.	Wan Robiah binti Wan Ahmad	Bhg. Pembangunan Usahawan	Bhg. Projek dan Hartanah
6.	Wan Asri bin Wan Nawang	Bahagian MIS	Bhg. Pembangunan Usahawan

**SELAMAT DATANG ANGGOTA BARU PKINK**



Nama : Norzaiadha bin Mohd Nor  
Kad Pengenaln : 820927-03-5975  
Jawatan : Pembantu Tadbir  
Penempatan : Bahagian MIS



Nama : Syamimi Izzati binti Shaari  
Kad Pengenaln : 861107-29-6126  
Jawatan : Pembantu Tadbir Rendah  
Penempatan : Bahagian PSM



Nama : Ahmad Faizol bin Abdul Aziz  
Kad Pengenaln : 690313-03-5185  
Jawatan : Penolong Akauntan  
Penempatan : Bahagian Kewangan

sambungan dari m. surat 5

**Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat & Sumbangan**

Seramai lebih 500 orang yang terdiri dari golongan armalah, orang kurang upaya dan golongan miskin telah diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa dan penyampaian bantuan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga PKINK. Sumbangan dan bantuan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat, Tuan Haji Husam Musa. Turut hadir ialah Ahli Parlimen Pasir Mas, Hj. Ismail Noh dan Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat) PKINK, Haji Wan Adnan b. Wan Abd Kadir.



Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK, Hj Wan Adnan Wan Ab Kadir menyampaikan sumbangan PKINK sambil diperhatikan oleh YB Hj Husam Musa dan YB Ust Ismail Noh

## KEKAL SIHAT SEPANJANG MASA

Pening memikirkan soal kesihatan tubuh badan? Apa yang perlu dan apa yang tidak atau keliru dalam memilih produk kesihatan? Jangan biarkan masalah ini membelenggu anda. Sebaliknya, ambil masa untuk mengenali diri anda dan banyakkannya membaca serta bertanya doktor anda atau ahli farmasi untuk nasihat yang lebih tepat. Soal kesihatan diri tidak seharusnya dianggap perkara remeh. Kesejahteraan hari tua seharusnya bermula dari sekarang. Paling penting, kita harus ingat mencegah adalah lebih baik dari merawat. Justeru itu, ambil langkah permulaan dengan mengunjungi doktor anda atau farmasi terdekat anda.

### Pemakanan

Madu lebah sememangnya sinonim dengan masyarakat kita. Khasiatnya menyembuhkan pelbagai jenis penyakit bukan sesuatu yang luar biasa. Ia dipercayai boleh memberi tenaga, kecergasan badan dan minda serta membina kesihatan dengan membaik pulih sistem dalaman badan. Kini, pengambilan madu lebah dalam diet harian amat digalakkan malah keistimewaanannya turut diakui dunia. Seorang doktor yang berasal dari Romania mengatakan, bahawa beliau cuba menggunakan madu untuk mengubati pesakit katarak, hasilnya, 2002 daripada 2094 pesakitnya sembuh sama sekali. Para doktor dari Polandia juga mengatakan bahawa getah lebah dapat membantu menyembuhkan banyak penyakit seperti buasir, penyakit kulit, penyakit ginekologi dan pelbagai penyakit lainnya. Madu mengandungi vitamin B1, B2, C, B6 dan B3. Komposisinya berubah-ubah sesuai dengan kualiti madu bunga serbuk sari yang diperolehi lebah. Bahkan madu berupaya membekalkan tenaga yang pantas kepada tubuh manusia.

Firman Allah Taala di dalam AL-Quran, Surah An-Nahl, Ayat 68-69 yang bermaksud: *Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarang di gunung-ganang, di pokok-pokok kayu dan juga bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah daripada segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan yang engkau suka, serta turutilah jalan-jalan peraturan Tuhanmu. Dengan itu akan keluarlah minuman (madu) yang bertelap warna dari dalam badannya yang mengandungi penawar bagi manusia daripada berbagai-bagai penyakit. Sesungguhnya pada (yang demikian itu ada tanda kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir."*

sambungan dari m. sural 8

#### Jenis-jenis Haji :

- **HAJI JENIS IFRAD.** Ifrad maknanya "berasingan" jadi haji ifrad itu ialah mengerjakan haji dan umrah secaraberasingan, iaitu dikerjakan haji dahulu hingga selesai dan kemudian baharulah dikerjakan umrah dalam tahun itu atau dikerjakan umrah sebelum menjelang bulan-bulan haji setelah itu barulah dikerjakan haji.
- **HAJI JENIS TAMATTU'.** Tamattu' ertinya bersenang-senang, jadi Haji Tamattu' itu ialah mengerjakan umrah dahulu dalam bulan-bulan haji, setelah selesai mengerjakan umrah lalu bersenang-senang dengan sebab telah tidak terikat lagi dengan pantang larang ihram. Kemudian setelah sampai waktu haji berihramlah untuk mengerjakan haji pula. Haji jenis ini dikenakan DAM mengikut syarat-syaratnya.
- **HAJI JENIS QIRAN.** Qiran ertinya bersama-sama, jadi Haji Qiran itu ialah dikerjakan kedua-dua haji dan umrah dengan serentak, iaitu dengan satu tawaf, satu sa'ie dan satu bergunting, kerana kerja-kerja umrah itu dimasukkan dalam kerja-kerja haji. Haji cara ini juga wajib melaksanakan DAM. Berhubung dengan kebolehan mengerjakan haji Qiran ini sabda Rasulullah

s.a.w. yang bermaksud: Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa mengerjakan haji bersama umrah (iaitu Qiran) maka sahlah dia kerjakan satu tawaf dan satu sa'ie sahaja untuk kedua-dua haji dan umrah itu" (Riwayat - Turmizi)

10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah merupakan hari-hari yang diberikan peluang kepada seluruh umat Islam melakukan Qurban. Qurban bermaksud menyembelih haiwan yang tertentu jenisnya daripada ternakan yang dikategorikan sebagai **al-an'am** iaitu unta, lembu (termasuk kerbau), biri-biri dan kambing pada Hari Nahr atau Hari Raya Haji (**10 Zulhijjah**) dan pada hari-hari Tasyrik (**11, 12 dan 13 Zulhijjah**) kerana bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah.

#### HUKUM MELAKUKAN IBADAH QURBAN

Imam Syafie berpendapat hukum melakukan ibadah qurban ini adalah sunat Muakkadah iaitu sunat yang amat digalakkan atau dituntut ke atas setiap individu Muslim yang merdeka, berakal, baligh lagi rasyid serta berkemampuan melakukannya sama ada sedang mengerjakan haji ataupun tidak sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.

#### Khasiat Madu

- Ia segera aktif menjalankan fungsinya
- Memulihkan tenaga dengan segera
- Boleh menghentikan batuk dengan cepat
- Membersihkan dan membuang segala kotoran yang ada di dalam darah
- Boleh mengurangkan tekanan dan kemurungan.
- Boleh menghentikan kesakitan sendi.
- Baik untuk sistem pematasan.
- Perut dapat menyerap madu dengan mudah dan segera tanpa diproses di dalamnya lebih dahulu.
- Boleh membunuh kuman dan virus di dalam darah.
- Membaik pulih dalaman wanita dan memelihara kesihatan kaum lelaki ataupun menambah keharmonian rumahtangga.
- Berupaya menghilangkan gatal-gatal pada kulit serta menghilangkan parut luka dengan segera.
- Menjana pertumbuhan otak.
- Mencantik, menghalus, melembab dan mengawal keanjalan kulit.
- Mengelak dari kegemukan yang tidak terkawal.

Makruh meninggalkan ibadah ini bagi orang yang mampu melakukannya. Hukum qurban ini menjadikan wajib jika seseorang itu telah bernazar untuk melakukannya atau telah membuat penentuan (at-ta'yin) untuk melaksanakannya seperti seseorang berkata "lembu ini aku jadikan qurban". Jika tidak dilakukan dalam keadaan ini maka hukumnya adalah **haram**.

Daging qurban wajib tidak dibenarkan untuk dimakan oleh yang mempunya qurban dan tanggungannya.

#### Tips Penggunaan Komputer

**REGISTRY** adalah hiraki database yang digunakan oleh Microsoft Windows untuk menyimpan semua maklumat mengenai sistem, aplikasi dan juga perkakasan. Ianya mengandungi informasi untuk rujukan windows dalam proses operasi dijalankan seperti profil setiap pengguna, jenis jenis aplikasi yang telah dipasang, jenis dokumen yang telah dihasilkan oleh setiap aplikasi, semua setting untuk fail atau icon dan port yang telah digunakan. Pendek kata ia merangkumi semua maklumat mengenai komputer. Oleh yang demikian tiada cara yang boleh menyelamatkan Windows sekiranya fail Registry rosak kecuali anda menyimpan fail salinan atau backup".

## Mesyuarat Agung KSK PKINK Kali Ke 26

**Kota Bharu** - 25 Oktober 2005 Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK (KSK PKINK) telah mengadakan mesyuarat agungnya kali ke 26 bertempat di Bilik Ooerasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK. Dalam ucapan ringkasnya, beliau menyarankan agar ahli-ahli sentiasa bersatu dan berkerjasama di dalam sama-sama memajukan kelab dan dengan ini akan menaikkan imej PKINK. Kepada ahli-ahli yang terpilih sebagai Ahli Jawatankuasa, perlulah menerima tanggungjawab tersebut dengan ikhlas dan memikul tugas tersebut dengan amanah.

Beliau yang juga Yang Dipertua KSK PKINK mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah memberi kerjasama yang baik untuk sama-sama membawa KSK PKINK mencapai matlamat untuk manfaat ahli-ahli, di samping menaikkan imej PKINK.

Pada sukan Gemaputera ke 10 yang telah diadakan di Langkawi, Kedah pada tahun 2004, PKINK telah menduduki tempat ke 3 dari 22 Agensi yang terlibat, ini merupakan satu kejayaan yang baik, terutamanya dalam acara boling, badminton dan tenis.

Mesyuarat kali ini telah dihadiri oleh seramai 162 orang ahli, dan ianya boleh dikatakan ramai dengan hampir 50% kehadiran. Selain pembentangan laporan kewangan dan aktiviti sepanjang tahun 2004 & 2005, mesyuarat juga bertujuan untuk memilih ahli-ahli Jawatankuasa Kerja untuk tempoh 2005 - 2006. Ahli Jawatankuasa yang baru dilantik ialah sebagaimana berikut:

Yang Dipertua :	Hj. Wan Adnan Wan Abdul Kadir
Naib Yang Dipertua:	Hj. Nik Azman Dato' Nik Mustapha (letak jawatan pada 14/12/2005) Mohd Adilan Mat Jusoh (dilantik pada 14/12/2005)
Setiausaha Kehormat :	Hj. Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff
Pen. Setiausaha :	Tengku Petra Tengku Wook
Bendahari :	Hj. Mohamad Razali Deraman
AJK :	Ahlaami Dato' Abdul Halim Mohd Asiff Mohd Idris Ismail Shauki Ibrahim Nik Mohamad Kamal Nik Mahmood Wan Azizan Wan Yaacob (dilantik pada 14/12/2005) Hj. Azizah Mustapha (dilantik pada 14/12/2005)
Pemeriksa Kira-Kira :	Mohd Rozi Mohd Nor Mohd Hizam Hamzah
Setiausaha Kerja :	Norzaiadha Mohd Nor (dilantik pada 14/12/2005)

Dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Induk pada 14 Disember 2005 telah memutuskan untuk meneruskan aktiviti tahunan sebagaimana amalan biasa dengan mewujudkan beberapa Jawatankuasa Kecil yang dipengerusi sebagaimana berikut:

J/kuasa Urusetia :	Hj. Nik Mohd Kamal Nik Yusoff
J/kuasa Sukan :	Hj. Wan Adnan Wan Abd Kadir
J/kuasa Kebajikan :	Ismail Shauki Ibrahim
J/kuasa KEKWA :	Pn. Ahlaami Dato' Ab. Halim
J/k Pelancongan & Rekreasi :	Wan Azizan Wan Yaacob
J/Kuasa Kelab Komputer :	Nik Mohd Kamal Nik Mahmood

Sehingga kini KSK PKINK telah menyediakan beberapa kemudahan kepada ahli-ahli untuk beriadah sebagaimana berikut:

- Tenis : Di Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Perdana pada setiap hari Ahad, Selasa dan Rabu mulai jam 5.30 petang - 7.00 petang
- Badminton : Di Gelanggang Badminton MSN, Jalan Telipot pada setiap hari Ahad dan Selasa mulai jam 8.00 mlm. - 10.00 mlm.
- Kerom & Ping Pong : Di bilik Rekreasi Sukan Tingkat 6, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani Puteri mulai jam 5.00 petang - 7.00 petang pada setiap hari Ahad hingga Khmais.

Kepada ahli-ahli adalah disarankan agar menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut sebaik mungkin, dan sebarang permasalahan bolehlah menghubungi pengerusi masing-masing.



Ahli-Ahli KSK PKINK sedang membuang undi bagi memilih Ahli Jawatankuasa Bagi Seor 2005-2006

### Kejohanan Tahunan Kelab Sukan telah bermula

Walaupun agak lewat permulaan aktiviti tahunan, pihak pengurusan baru KSK PKINK telah memulakan aktiviti-aktiviti 2005 dengan kejohanan Ping Pong berpasukan dan Ping Pong Beregu pada 11 - 15 Disember 2005. Kemudiannya diikuti perlawanan Kerom Perseorangan Lelaki pada 18 - 22 Disember 2005 dan Perseorangan Wanita pada 27 -29 Disember 2005.

Sebelum itu acara tenis berpasukan telahpun diadakan pada 24 September 2005 yang mana pasukan yang diunggoti Abrizan Ab. Kadir, Nik Abdullah Nik Ibrahim, Azirin Riffin, Aziz Mohd Zain,

Hasrul Nizam dan Wan Mohd Azhari Wan Abdullah telah muncul johan.

Dalam Kejohanan Ping Pong Berpasukan, Pasukan yang diunggoti Hj. Mohd Nor, Anuar Mohd Nor, Hj. Fauzi Said, Ab. Rahman Ali, Yusoff Ali, Sufian Salleh dan Adnan Mohd Zain telah muncul johan.

Bagi acara Ping Pong Beregu, Regu Mohd Nazin/Syamsul Nasron telah muncul johan, naib Johan regu Amran Ahmad/Aziz Mahmud, ketiga Abdul Hafiz/ Zulkifli Harun dan tempat keempat regu Mazlan Md. Ragam/Ridzuan Sidek.

Dalam acara kerom perseorangan, johan dimenangi oleh Mat Jali Mat Junus, naib Johan Nik Abdul Kadir, ketiga Zulkifli Harun dan keempat Tengku Petra.

Kerom Perseorangan wanita, johan ialah Surina Ab. Ghani, naib Johan Sorlati Yaacob, ketiga Zaiton Azahari dan keempat Norasiah Wan Ismail.

Sementara itu beberapa acara lain akan dijalankan pada bulan Januari dan Februari 2006. Manakala acara bagi tahun 2006 dijangka akan bermula bulan April 2006. Pada pertengahan Mac 2006 KSK PKINK akan mewakili PKINK ke sukan Gemaputera ke XI di Melaka.

# KB BAZAAR

# كيتيرين بيزكار

## RUANG NIAGA UNTUK DIJUAL

### HARGA DARI RM90,000 - RM151,600

**HANYA BEBERAPA UNIT SAHAJA  
MASIH ADA - SEGERA**

KB Bazaar - Terletak di Seksyen 16, Jalan Hamzah, Kota Bharu bersebelahan KB Mall merupakan kedudukan strategik kerana berada di persimpangan empat jalan utama iaitu Jalan Hamzah, Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Sultan Yahya Petra dan Jalan Kuala Krai. Lokasi yang strategik ini akan memberikan keselesaan untuk orang ramai membeli belah. Antara kemudahan yang disediakan:

- Lif
- Surau
- Jejantas menghubungkan KB Bazaar dan KB Mall
- Tempat letak kereta yang mencukupi
- Gerai makan di tingkat 3
- Terminal bas



**HARGA YANG DITAWARKAN:**

Tingkat 1 : RM106,300 - RM151,600

Tingkat 2 : RM99,400 - RM127,600

Tingkat 3 : RM90,000 - RM115,900

## PKINK PRIHATIN - PROGRAM RAMADHAN 1426H (28 Okt 2005) DI DEWAN MAJLIS DAERAH PASIR MAS



1. Exco Pembangunan Masyarakat Haji Husam Musa beramah mesra dengan penerima bantuan iaitu golongan Armalah Dun Pengkalan Pasir



2. Golongan masyarakat yang terdiri dari orang miskin Armalah dan OKU yang hadir pada Majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan bantuan oleh PKINK dan Jabatan Kebajikan Masyarakat



3. Dari kiri: Tim. Ketua Eksekutif (HEK) Haji Wan Adnan Wan Abd Kadir, Ahli Parlimen Pasir Mas Ustaz Ismail Noh dan Exco Kerajaan Negeri, Haji Husam Musa mendengar luahan penerima bantuan